



**SOARING  
UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK

# 2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka



## Islam dan Konsep “Hijau”: Hubungan antara Sikap Membuang Sampah dan Tahap Kesedaran di Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam

Mas'udah Asmui<sup>1\*</sup>, Sharifah Norhuda Syed Wahid<sup>2</sup>, Noorsuraya Mohd Mokhtar<sup>3</sup>,  
Suhanom Mohd Zaki<sup>4</sup>, Siti Suhaila Harith<sup>5</sup>

<sup>1,3,4</sup> Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
mas\_as@pahang.uitm.edu.my, suhanom@pahang.uitm.edu.my, noorsuraya@pahang.uitm.edu.my

<sup>2</sup> Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
sha\_norhuda@pahang.uitm.edu.my

<sup>5</sup> Faculty of Applied Science, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
ssuhaila@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Konsep “hijau” telah sekian lama diterapkan di kalangan umat Islam kerana ia adalah sebahagian daripada elemen agama Islam. Agama Islam sangat menitik-beratkan dan sentiasa mengutamakan kebersihan dalam segala aspek termasuklah menjaga persekitaran alam sekitar. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap pembuangan sampah dan sikap membuang sampah. Seramai 95 (33.33%) daripada populasi kajian iaitu 285 pelajar yang sedang mengambil kursus pra-diploma di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang telah dipilih sebagai responden kajian. Metodologi kajian adalah edaran borang soal selidik kepada pelajar dan hasil dapatan yang diperolehi dianalisa menggunakan SPSS versi 23. Antara dapatan kajian yang diperolehi; tahap kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah adalah sangat baik (min = 9.0502, sisihan piawai = 1.3765), dan sikap pelajar dalam pembuangan sampah menunjukkan ia agak membimbangkan iaitu tidak mencapai pertengahan skala (min = 4.2337, sisihan piawai = 1.1600). Hubungan di antara kedua-dua pembolehubah ini menunjukkan semakin tinggi tahap kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah, semakin rendah kecenderungan mereka untuk membuang sampah di merata-rata tempat. Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa kajian akan datang akan memfokuskan kepada faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi seseorang untuk membuang sampah di merata-rata tempat.

**Kata Kunci:** Konsep “Hijau,” Sikap Membuang Sampah, Tahap Kesedaran Membuang Sampah

### 1. Pengenalan

Agama Islam adalah agama yang menuntut umatnya menjaga kebersihan dalam kehidupan sehariannya, walau di mana dan apa jua yang dilakukannya. Kebersihan dalam Islam amat dititik-beratkan kerana setiap kebaikan yang dilakukan oleh umat Islam adalah dianggap ibadah. Sehubungan dengan itu, kebersihan seharusnya diutamakan dalam kehidupan seharian bagi memastikan matlamat ibadah tercapai. Perkara yang sama turut diriwayatkan oleh Abu Malik Al-Ash'ari. Beliau telah meriwayatkan daripada Rasulullah SAW bersabda bahawa “*kebersihan itu separuh dari iman.*” Perihal kebersihan juga turut disebut dalam Surah al-Baqarah (2:222); Islam menggalakkan umatnya untuk menjaga diri dan juga persekitaran agar bersih dan kemas.

Kebersihan dan konsep “hijau” tidak boleh dipisahkan. Menurut Berry (2008), kebersihan dan konsep “hijau” adalah saling melengkapi di antara satu sama lain. Konsep “hijau” mencakupi keseluruhan perkara termasuklah kebersihan di dalam kelas, bangunan, jalan raya, dan juga alam sekitar. Kadikon dan Narawi (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa alam sekitar yang bersih akan memberikan persekitaran kerja yang bersih dan selesa. Tambahan dari itu juga, kajian mereka turut mengaitkan kualiti kehidupan manusia tidak terbatas hanya



kepada hubungan sesama manusia sahaja malahan merangkumi hubungan manusia dengan alam sekitar. Ini telah membuktikan bahawa betapa pentingnya hubungan manusia dengan alam sekitar yang sememangnya saling melengkapi.

Tidak diragui bahawa sememangnya kebersihan alam sekitar banyak dipengaruhi oleh sikap seseorang individu. Amalan kebersihan perlu diterapkan sejak kecil atau di alam persekolahan. Sebagai contoh, pelaksanaan amalan hidup secara Islam adalah elemen yang penting dalam memastikan para pelajar memiliki tahap motivasi yang tinggi ke arah amalan kebersihan. Ini dibuktikan oleh dapatan kajian Ahmad Zabidi (2006) yang menyatakan antara ciri sekolah agama berkesan adalah melalui pelaksanaan amalan hidup Islam dalam setiap aspek pembelajaran dan juga pekerjaan seharian. Pelaksanaan ini dilaksanakan menerusi amalan sifat muraqabah, iaitu merasakan Allah SWT sentiasa memerhati setiap tindakan yang dilakukan. Sifat muraqabah ini dapat membantu dalam memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih, cantik, selamat dan cukup ruang untuk proses pembelajaran. Seiring dengan itu juga, sikap pelajar yang positif dapat dibentuk melalui amalan sifat muraqabah.

## 2. Kajian Literatur

Sikap membuang sampah merata-rata akan mengakibatkan konflik antara manusia dan alam sekitar sedangkan seharusnya hubungan manusia dan alam sekitar adalah saling melengkapi (Kadikon dan Narawi, 2010). Menurut Ahmad, Mustafa, Hamid dan Wahab (2011), sumber-sumber dari alam sekitar telah banyak dimanfaatkan oleh manusia untuk tujuan pembangunan ekonomi tanpa memikirkan kesannya kepada alam sekitar itu sendiri sehinggalah masalah alam sekitar dan kepupusan sumber-sumber aslinya telah nampak begitu jelas. Akibatnya, banyak masalah berkaitan alam sekitar muncul selari dengan rendahnya tahap kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar. Sebagai contoh, fenomena pemanasan global kini lebih dirasai di kawasan perindustrian dan pembinaan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Jakarta dan New York, Kutub Utara dan Selatan (Johar, 2013).

Ahmad et al. (2011) sekali lagi menyatakan bahawa dapatan kajian sebelum ini menunjukkan tahap kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat Malaysia belum mencapai tahap yang membanggakan sekiranya dibandingkan dengan negara maju lain seperti Jepun, Denmark dan Jerman. Selain itu, kajian tersebut turut menggariskan bahawa bermula dari tahun 1998 hingga 2004, Pusat Sains dan Teknologi Maklumat (MASTIC) mendapati isu pencemaran alam sekitar kian mendapat perhatian berbanding isu sains dan teknologi yang lain. Namun, wujudnya percanggahan apabila Johar (2013) dalam kajiannya mendapati secara purata hanya tiga daripada 10 orang rakyat Malaysia prihatin terhadap isu alam sekitar. Ini dibuktikan dengan sikap rakyat Malaysia yang suka melakukan pembakaran terbuka, membuang sampah sesuka hati di tempat yang tidak sepatutnya sehingga menyebabkan saluran pengaliran, sungai, parit dan longkang tersumbat. Keadaan negatif ini menjurus kepada berlakunya bencana banjir.

Menurut Abdul Shukor, Mohammed, Awang dan Abdullah Sani (2012) pula, tingkah laku pembuang sampah boleh diubah melalui campur tangan pihak pengurusan alam sekitar dan juga kawalan rangsangan pembuang sampah itu sendiri. Antaranya ialah, pihak pengurusan alam sekitar menyediakan kemudahan pembuangan sampah yang dipercayai boleh mengubah kesedaran orang ramai terhadap isu pembuangan sampah dan juga cara pembuangan sampah yang betul (Cooley, 2005). Selain itu, tingkah laku pembuang sampah juga disebabkan oleh beberapa faktor seperti tahap pendidikan, jenis sampah dan lokasi tong sampah turut menjejaskan kualiti persekitaran tempat (Nkwocha dan Okeoma, 2009; Steg dan Vlek, 2009; Curnow dan Spehr, 2011; Schultz et al., 2011).

Tahap pendidikan juga menjadi faktor penyumbang kepada tabiat membuang sampah merata-rata. Generasi muda terutamanya di institusi pengajian tinggi merupakan golongan yang akan menentukan masa depan alam sekitar di Malaysia. Oleh itu, pelbagai langkah perlu dilaksanakan agar generasi muda lebih prihatin tentang masalah pembuangan sampah di Malaysia. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jennifer et al. (2013) menyatakan bahawa remaja berumur 25 tahun ke bawah biasanya gemar membuang sampah ketika berada di dalam

kumpulan manakala peratus pembuangan sampah akan berkurangan apabila mereka bersendirian. Kajian mereka turut menyatakan faktor umur di antara 15 hingga 24 tahun lebih cenderung untuk membuang sampah merata-rata berbanding kumpulan umur lain. Dapatan Jennifer et al. (2013) turut disokong oleh Dur dan Ben Vollaard (2015) yang turut memfokuskan kepada kumpulan umur di mana mereka menyatakan golongan remaja berusia di antara 21 hingga 35 cenderung untuk membuang sampah di merata tempat tiga kali ganda berbanding mereka yang berusia 50 tahun.

Menurut Fazida (2012) dalam kajiannya mengenai amalan sistem pembuangan sampah di sebuah institusi pengajian tinggi telah mendapati tahap kesedaran pelajar terhadap amalan pembuangan sampah adalah rendah. Ini turut merujuk kepada kesedaran sendiri yang rendah dalam amalan pengurusan sampah di kalangan pelajar tersebut, sekaligus menunjukkan kepada amalan kitar semula adalah negatif. Pada tahun sebelumnya iaitu 2011, Rosta Harun, Lim Kuang Hock dan Fadhilah Othman (2011) mendapati kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar dipengaruhi oleh latar belakang, pengetahuan, sikap dan kepekaan terhadap alam sekitar. Ini membuktikan wujudnya pengaruh persekitaran yang akan mempengaruhi tindakan seseorang individu, seperti membuang sampah di merata-rata tempat kerana pasti ada individu lain yang akan membersihkan sampah tersebut.

Selain dari latar belakang, pengetahuan, sikap dan kepekaan terhadap alam sekitar, Harris (1995) menyimpulkan bahawa sikap seseorang pelajar turut dipengaruhi oleh rakan, ibubapa dan tenaga pengajar (Collins, Maccoby, Steinberg, Hetherington, dan Bornstein, 2000). Kajian yang dijalankan oleh Bator, Bryan, dan Schultz (2011) telah memaparkan bahawa wujud hubungan antara sikap remaja dengan faktor-faktor lain seperti persekitaran, norma sosial, ciri-ciri demografi, dan juga motivasi. Kajian tersebut mendapati kebanyakan remaja tidak pasti samada sisa rokok dikategorikan sebagai sampah yang menyebabkan mereka lebih gemar membuangnya di tepi tong sampah berbanding ke dalam tong sampah.

### 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A; sembilan soalan yang memfokuskan sikap pembuangan sampah, Bahagian B; 13 soalan bagi mengkaji kesedaran terhadap isu pembuangan sampah dan Bahagian C; tiga soalan berkaitan demografi responden. Bahagian A dan B menggunakan kaedah pengukuran skala likert bermula 1 (sangat tidak setuju) sehingga 10 (sangat setuju) di mana soalan adalah berbentuk keterangan positif. Instrumen ini disesuaikan daripada Abdul Shukor et al. (2012), Maricopa Persatuan Kerajaan (2012), iEarn GEN 1 Isu-isu Alam Sekitar Global (Wesley High School Otukpo, Benue State Nigeria (2011), Tarek Ladjal (2001) dan Kadikon dan Narawi (2010). Instrumen ini diedarkan kepada pelajar yang sedang mengambil kursus pra-diploma di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, dan 95 (33.33%) daripada 285 pelajar telah dipilih sebagai responden kajian.

Kedua-dua pembolehubah; tahap kesedaran dan sikap pembuangan sampah telah dibuat analisa kebolehpercayaan. Pembolehubah kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah memberikan nilai *cronbach's alpha* adalah 0.942, manakala bagi pembolehubah sikap 0.683. Nilai *cronbach's alpha* dalam lingkungan 0.70 adalah diterima dan sekiranya melebihi 0.80 dikira bagus (Sekaran, 2003). Manakala, ujian kenormalan data dan juga nilai kepencongan telah menunjukkan data tertabur secara normal. Ini membolehkan data dianalisis secara ujian parametrik melibatkan ujian-t dan juga analisa regresi menggunakan perisian SPSS versi 23.


### 4. Keputusan dan Perbincangan

Seramai 95 pelajar pra diploma berumur di antara 18 hingga 20 tahun telah terlibat secara langsung dalam kajian ini di mana kebanyakan pelajar terlibat adalah pelajar perempuan (65, 68.42%). Dari segi faktor pendapatan keluarga, dapatan kajian menunjukkan 73 (76.84%) pelajar tergolong dalam keluarga yang berpendapatan kurang RM2,000 sebulan. Secara purata,

tahap kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah adalah sangat baik (min = 9.0502, sisihan piawai = 1.3765), bercanggah dengan dapatan yang diperolehi oleh Ahmad et al. (2011). Manakala bagi sikap pelajar dalam pembuangan sampah agak membimbangkan iaitu tidak mencapai pertengahan skala (min = 4.2337, sisihan piawai = 1.1600).

Seterusnya analisis kajian memfokuskan kepada tahap kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Ujian-t menunjukkan bahawa terdapat bukti yang mencukupi untuk menyatakan bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah adalah berbeza di antara pelajar lelaki dan perempuan ( $t = -2.277$ ,  $df = 93$ ,  $P = 0.025$ ), dengan perolehan nilai-P kurang dari 5%. Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi, iaitu menghampiri satu perbezaan skala (min perbezaan = -0.604).

Bagi mengetahui hubungan di antara tahap kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah dan sikap pelajar itu sendiri, analisa regresi dilakukan bagi menguji hubungan berikut.



Model linear yang diperolehi adalah signifikan ( $F = 23.576$ , darjah kebebasan = 1, 93, nilai-P = 0.000) berdasarkan nilai-P kurang dari nilai signifikan (0.05). Model yang diperolehi adalah seperti berikut:

$$y = 7.664 - 0.379x \text{ ----- Persamaan (1)}$$

**Rajah 1.** Hubungan di antara Dua Pembolehubah

Dapatan menunjukkan bahawa wujudnya hubungan negatif di antara kedua-dua pembolehubah tersebut berdasarkan kepada nilai kecerunan negatif ( $\beta = -0.379$ ). Nilai tersebut menyimpulkan bahawa semakin tinggi tahap kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah, semakin rendah kecenderungan pelajar untuk membuang sampah di merata-rata tempat. Ini turut dinyatakan oleh Abdul Shukor et al. (2012), di mana tingkahlaku seseorang pembuang sampah boleh diubah. Perubahan ini boleh terjadi di atas faktor penyediaan tong sampah yang mencukupi dan diletakkan di lokasi yang sesuai serta pendidikan terhadap pembuangan sampah yang berkesan. Menurut Schultz et al. (2013), lokasi bekas pembuangan sampah juga mempengaruhi tingkah laku seseorang untuk membuang sampah. Selain itu dapatan kajian menunjukkan nilai determinasi adalah sebanyak .202 yang bermaksud 20.20% jumlah variasi sikap pembuangan sampah telah dipengaruhi oleh tahap kesedaran pelajar tersebut dan 79.80% pula adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

## 5. Kesimpulan dan Implikasi

Pendidikan dilihat sebagai cara yang terbaik bagi membentuk generasi yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar (Johar, 2013; Ahmad et al., 2011). Melalui pendidikan juga, khasnya pendidikan alam sekitar akan dapat melahirkan masyarakat yang mampu memahami hubungan antara persekitaran manusia dan persekitaran fizikal (Mohamad, 2014). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar di institusi pengajian tinggi terhadap isu pembuangan sampah adalah sangat tinggi, namun sikap pelajar itu sendiri menunjukkan perbuatan yang kontra. Ini bersamaan dengan kenyataan daripada Abdul Latif, Omar, Bidin & Awang (2013) iaitu, walaupun kesedaran dan keprihatinan pengguna mengenai masalah sisa sentiasa meningkat, penyertaan dalam kitar semula masih agak rendah. Sehubungan dengan itu, pendidikan alam sekitar seharusnya diterap di kalangan pelajar sejak

awal persekolahan supaya budaya tersebut mempunyai kelangsungan yang boleh mempengaruhi rakan-rakan sebaya.

Kajian semasa memfokuskan hanya kepada satu faktor sahaja, iaitu kesedaran pelajar terhadap isu pembuangan sampah. Walaupun model yang diperolehi adalah signifikan namun nilai determinasi adalah 20.20% yang menunjukkan terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi sikap untuk membuang sampah merata-rata. Kajian akan datang akan memfokuskan kepada faktor-faktor lain yang mungkin memberi kesan terhadap sikap pembuangan sampah.

## 6. Rujukan

- Abdul Shukor, F. S., Mohammed, A. H., Awang, M. & Abdullah Sani, S. I. (2012). Litter reduction: A review for the important behavioral antecedent approaches. *Proceeding of 3rd International Conference on Business and Economic Research Proceeding*, 2133-2149.
- Abdul Latif, S., Omar, M. S., Bidin, Y. H., & Awang, Z. (2013). Analyzing the Effect of Situational Factor on Recycling Behaviour in Determining the Quality of Life. *Journal of Asian Behavioural Studies*, 3 (8).
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan* 31, 3-19.
- Ahmad, J., Mustafa, H., Hamid, H. A. & Wahab, J. A. (2011). Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar, *Akademika* 81 (3), 103-115.
- Bator, R. J., Bryan, A. D., & Schultz, P. W. (2011). Who Gives a Hoot? Intercept Surveys of Litterers and Disposers. *Environment and Behavior* 43(3) 295–315.
- Berry, M. D. (2008). Cleaning and the environment. *Environmental management*. CIRI's 2007 Cleaning Science Conference and Symposium, taken from [https://www.ciriscience.org/a\\_269-Cleaning-and-the-Environment](https://www.ciriscience.org/a_269-Cleaning-and-the-Environment) on 3 November 2016.
- Collins, W. A., Maccoby, E. E., Steinberg, L., Hetherington, E. M., & Bornstein, M. H. (2000). Contemporary research on parenting: The case for nature and nurture. *American Psychologist*, 55(2), 218.
- Cooley, R. R. (2005). The effectiveness of signage in the reduction of litter in backcountry and front-country campsites. University of Manitoba. Masters of Arts Dissertation.
- Curnow, R. & Spehr, K. (2011). Littering behavior study III. Measuring environmentally desirable change in Australia: Report, the Beverage Industry Environment Council and Community Change Pty. Ltd.
- Dur, R. & Ben Vollaard, B. (2015). The Power of a Bad Example: A Field Experiment in Household Garbage Disposal. *Environment and Behavior*, 47(9), 970–1000.
- Fazida Hj Othman. (2012). Amalan Pembuangan Sampah Dalam Kalangan Pensyarah, Pelajar & Pekerja Kafeteria di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. [http://ipgktb.edu.my/lestari/ipglestari/kertas\\_lestari2012/Fazida%20binti%20Haji%20Othman.pdf](http://ipgktb.edu.my/lestari/ipglestari/kertas_lestari2012/Fazida%20binti%20Haji%20Othman.pdf). Diakses pada 3 November 2016.
- Harris, J. R. (1995). Where is the child's environment? A group socialization theory of development. *Psychological Review*, 102(3), 458.
- iEARN GEN 1 Environment-Global Issues (Wesley High School Otukpo, Benue State Nigeria). A Survey of Household Solid Waste Management in Otukpo: A Case Study of Residents around Wesley High School Otukpo, Benue, Nigeria (2011).
- Jabatan Alam Sekitar Malaysia. (1997). *Environmental Quality Report 1997*. Kuala Lumpur: Jabatan Alam Sekitar.
- Jennifer, L., Niki, H., & Quentin D. A. (2013). Understanding Change in Recycling and Littering Behavior Across a School Social Network. Volume 53, Issue 3-4, 462–474, Article first published online: 11 December 2013.
- Johar, S. R. (2013). Kesedaran teknologi hijau dalam kalangan warga Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional,

- Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, 1-41.
- Kadikon, Sulaiman & Narawi, Liza. (2010). *Persepsi Staf Terhadap Amalan 5S Menurut Pendekatan Islam Hadhari. Kajian Di Pejabat Bendahari, UTM*. Persepsi Staf Terhadap Amalan 5S Menurut Pendekatan Islam Hadhari. Kajian Di Pejabat Bendahari, UTM. pp. 1-14.
- Maricopa Association of Governments. Don't thrash Arizona: Litter evaluation survey. Retrieved 12 February 2016 from [http://donttrashaz.com/pdf/MAG\\_2010\\_Litter-Survey.pdf](http://donttrashaz.com/pdf/MAG_2010_Litter-Survey.pdf), (2012).
- MASTIC. (1998). Public awareness of science and technology (S and T) Malaysia 1998. <http://www.mastic.gov.my/mastic/pages/awareness98.htm>.
- Mohamad, N. (2014). Penglibatan dalam aktiviti kitar semula kertas terpakai dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, 1-41.
- Nkwocha, E. E., & Okeoma, I. O. (2009). Street littering in Nigerian towns: Towards a framework for sustainable urban cleanliness, African research review. *An International Multi-Disciplinary Journal*, Ethiopia, 3 (5).
- Rosta Harun, Lim Kuang Hock & Fadhilah Othman. (2011). Environmental Knowledge and Attitude among Students in Sabah. *World Applied Sciences Journal 14 (Exploring Pathways to Sustainable Living in Malaysia: Solving the Current Environmental Issues)*: 83-87, 2011.
- Schultz, P.W., Bator, R. J., Large, L. B., Bruni, C. M., & Tabanico, J. J. (2011). Littering in context: Personal and environmental predictors of littering behavior. *Environment and Behavior*, (2011)1-25.
- Schultz, P.W., Bator, R. J., Large, L. R., Bruni, C. M., & Tabanico, J. J. Littering in context: Personal and environmental predictors of littering behavior. *Environment and Behavior*, 45(1) (2013) 35-59, SAGE Publications.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business – A Skill Building Approach* (4<sup>th</sup> ed). New York: John Wiley & Sons.
- Steg, L. & Vlek, C. (2009). Encouraging pro-environmental behavior: An integrative review and research agenda, *Journal of Environmental Psychology*, 29 (2009) 309-317.